



PM, isteri cuba MRT



PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Razak bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor menaiki tren MRT dari Stesen Pusat Bandar Damansara menuju ke Stesen Merdeka sebelum pelancaran laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) pada 17 Julai ini.



MURAL memelihatkan Tunku Abdul Rahman mengangkat tangannya ketika mengisytiharkan kemerdekaan negara di Stesen Merdeka.

Bermula dengan stesen Muzium Negara, diperlihatkan evolusi mode pengangkutan awam Malaysia daripada bas, teksi hingga kereta api selain nostalgia orang ramai menggunakan pengangkutan berkenaan.

"Di stesen Muzium Negara berdekatan stesen KL Sentral, kita boleh melihat pada setiap tiang gambar teksi, bas dan kereta api dari generasi lama hingga sekarang," kata Najmuddin.

Beliau berkata, di stesen Pasar Seni pula yang menghubungkan laluan LRT Kelana Jaya, ia mempamerkan aspek kebudayaan, seni dan kraf bagi mempromosikan warisan budaya negara melalui visual. Aspek patriotisme juga tidak dilupakan apabila elemennya diperlihatkan pada Stesen Merdeka yang terletak berhampiran Stadium Merdeka.

Najmuddin berkata, di situ terdapat mural yang memelihatkan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Ra-

man mengangkat tangannya ketika mengisytiharkan kemerdekaan negara.

"Kita tahu dinding itu akan menjadi popular dengan pengguna apabila stesen dibuka. Setiap rakyat Malaysia pasti akan berselfie dan berwefie pada dinding itu," katanya.

Beliau berkata, di Stesen Bukit Bintang, suasananya menggambarkan kedinamikan dan keceriaan kawasan persekitaran Bukit Bintang sebagai hab perniagaan utama.

"Stesen itu direka bentuk dengan hasil seni berwarna merah bagi menggambarkan kedinamikan. "Sebelum ini ia seolah-olah mimpi negeri untuk kita memasuki Bukit Bintang daripada segenap arah, tapi kini MRT berada di tengah-tengahnya," tambahnya.

Najmuddin berkata, konsep Perbadanan Islam pula diperlihatkan di Stesen Tun Razak Exchange yang menggambarkan suasana kontemporari, formal serta korporat selari dengan usaha kerajaan untuk mempromosi negara sebagai dunia korporat Islam.

"Dua stesen terakhir iaitu Cochrane dan Maluri mewakili pula kehidupan bandar

dan generasi baru dengan nukilan seni kontemporari yang vibrate, urban dan bersifat remaja," katanya.

Namun, MRT Corp tidak melupakan aspek keselamatan penumpang di stesen bawah tanah berkenaan.

"Ia berada dalam kelas terbaik dan berteknologi paling canggih," kata Najmuddin.

Beliau berkata, sistem keselamatannya membolehkan sebarang kecemasan ditangani dengan segera dan efisien yang kesemua stesen dilengkapi sistem memadam kebakaran automatik selain sistem siaraya untuk memudahkan penyuraian penumpang secara beramai-ramai.

Menurut Najmuddin, stesen bawah tanah bagi Laluan SBK mengutamakan peralatan teknologi hijau bagi menjaga kecekapan tenaga di samping tidak melupai keselesaan bagi golongan orang kurang upaya (OKU).

"Pintu tiketnya cukup luas hingga membolehkan penumpang berkecuali roda mudah melaluinya, terdapat juga elevator dari paras bawah hingga tingkat konkos dan platform, tanda huruf braille pada butang lif serta laluan

pusat bandar raya. Setiap trennya mempunyai empat gerabak yang boleh membawa 1,200 penumpang bagi setiap perjalanan dengan anggaran kira-kira 400,000 penumpang sehari menerusi kekerapan tren setiap 3.5 minit.

Betapa bangga rakyat Malaysia terutama di ibu kota yang memiliki sistem MRT canggih dalam menjalan kehidupan seharian mereka.

BERNAMA

"Ia berada dalam kelas terbaik dan teknologi paling canggih Najmuddin"



STESAN MRT Maluri dihiasi dinding berwarna-warni.



REKA bentuk Stesen MRT Pasar Seni menggambarkan unsur kehidupan rakyat Malaysia.



STESAN MRT Bukit Bintang direka bentuk dengan hasil seni berwarna merah bagi menggambarkan kedinamikan.

PENUH KARYA UNIK

Kuala Lumpur

Tujuh stesen bawah tanah Aliran Transit Massa (MRT) bagi fasa kedua meliputi laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang bakal dibuka Isnin depan kelihatan begitu unik dengan hiasan hasil seni yang hebat.

Ia dibuat sebegitu rupa untuk mengujakan pengguna berserta reka bentuk arkitektur yang mengagumkan.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Datuk Najmuddin Abdullah, pengguna MRT akan dapat menikmati keindahan tujuh stesen daripada 19 buah stesen fasa kedua itu, yang reka bentuk setiap stesen adalah berbeza dengan stesen lain yang kesemuanya menggambarkan unsur kehidupan rakyat Malaysia.

man mengangkat tangannya ketika mengisytiharkan kemerdekaan negara.

"Di stesen Muzium Negara berdekatan stesen KL Sentral, kita boleh melihat pada setiap tiang gambar teksi, bas dan kereta api dari generasi lama hingga sekarang," kata Najmuddin.

Beliau berkata, di stesen Pasar Seni pula yang menghubungkan laluan LRT Kelana Jaya, ia mempamerkan aspek kebudayaan, seni dan kraf bagi mempromosikan warisan budaya negara melalui visual. Aspek patriotisme juga tidak dilupakan apabila elemennya diperlihatkan pada Stesen Merdeka yang terletak berhampiran Stadium Merdeka.

Najmuddin berkata, di situ terdapat mural yang memelihatkan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Ra-

man mengangkat tangannya ketika mengisytiharkan kemerdekaan negara.

"Kita tahu dinding itu akan menjadi popular dengan pengguna apabila stesen dibuka. Setiap rakyat Malaysia pasti akan berselfie dan berwefie pada dinding itu," katanya.

Beliau berkata, di Stesen Bukit Bintang, suasananya menggambarkan kedinamikan dan keceriaan kawasan persekitaran Bukit Bintang sebagai hab perniagaan utama.

"Stesen itu direka bentuk dengan hasil seni berwarna merah bagi menggambarkan kedinamikan. "Sebelum ini ia seolah-olah mimpi negeri untuk kita memasuki Bukit Bintang daripada segenap arah, tapi kini MRT berada di tengah-tengahnya," tambahnya.

Najmuddin berkata, konsep Perbadanan Islam pula diperlihatkan di Stesen Tun Razak Exchange yang menggambarkan suasana kontemporari, formal serta korporat selari dengan usaha kerajaan untuk mempromosi negara sebagai dunia korporat Islam.

"Dua stesen terakhir iaitu Cochrane dan Maluri mewakili pula kehidupan bandar

dan generasi baru dengan nukilan seni kontemporari yang vibrate, urban dan bersifat remaja," katanya.

Namun, MRT Corp tidak melupakan aspek keselamatan penumpang di stesen bawah tanah berkenaan.

"Ia berada dalam kelas terbaik dan berteknologi paling canggih," kata Najmuddin.

Beliau berkata, sistem keselamatannya membolehkan sebarang kecemasan ditangani dengan segera dan efisien yang kesemua stesen dilengkapi sistem memadam kebakaran automatik selain sistem siaraya untuk memudahkan penyuraian penumpang secara beramai-ramai.

Menurut Najmuddin, stesen bawah tanah bagi Laluan SBK mengutamakan peralatan teknologi hijau bagi menjaga kecekapan tenaga di samping tidak melupai keselesaan bagi golongan orang kurang upaya (OKU).

"Pintu tiketnya cukup luas hingga membolehkan penumpang berkecuali roda mudah melaluinya, terdapat juga elevator dari paras bawah hingga tingkat konkos dan platform, tanda huruf braille pada butang lif serta laluan

pusat bandar raya. Setiap trennya mempunyai empat gerabak yang boleh membawa 1,200 penumpang bagi setiap perjalanan dengan anggaran kira-kira 400,000 penumpang sehari menerusi kekerapan tren setiap 3.5 minit.

Betapa bangga rakyat Malaysia terutama di ibu kota yang memiliki sistem MRT canggih dalam menjalan kehidupan seharian mereka.

BERNAMA

"Ia berada dalam kelas terbaik dan teknologi paling canggih Najmuddin"



Tujuh stesen bawah tanah MRT aliran SBK dihias hasil seni hebat, dilengkapi teknologi terkini



PRINSIP rukun negara turut menghiasi dinding stesen bawah tanah MRT aliran SBK.



ANTARA hiasan unik di stesen MRT aliran SBK.



REKA bentuk kerusi yang terdapat di Stesen MRT Muzium Negara.